

A. Pilih penggunaan kata bilangan yang betul.

1. a) Orang kaya itu memiliki **empat** rumah.----- []
 b) Orang kaya itu memiliki **empat** buah rumah.----- []

2. a) **Beberapa** orang murid telah didenda oleh guru disiplin.- []
 b) **Beberapa** murid telah didenda oleh guru disiplin.----- []

3. a) Emak telah membuat **berbagai-bagai** jenis kuih untuk majlis hari jadi saya.----- []
 b) Emak telah membuat **berbagai** jenis kuih untuk majlis hari jadi saya.----- []

4. a) **Para-para** hadirin telah mengambil tempat masing-masing.----- []
 b) **Para** hadirin telah mengambil tempat masing-masing.--- []

5. a) **Para** perompak sudah dipenjarakan.----- []
 b) **Semua** perompak sudah dipenjarakan.----- []

6. a) **Keempat-empat** orang murid itu dari Kelas 8 Anggerik.-- []
 b) **Keempat-empat** murid itu dari Kelas 8 Anggerik.----- []

7. a) Dia mendapat tempat **ke2** dalam pertandingan itu.----- []
 b) Dia mendapat tempat **ke-2** dalam pertandingan itu.----- []

8. a) **Setengah-tengah** daripada penduduk belum mengisi borang.----- []
 b) **Sesetengah** daripada penduduk belum mengisi borang.- []

9. a) **Ramai** orang melawat ke karnival semalam.----- []
 b) **Banyak** orang melawat ke karnival semalam.----- []

B. Pilih kata bilangan yang betul.

1. Datuk minum secawan kopi [**setiap** | **separuh**] pagi.
2. Saya anak [**kedua-dua** | **kedua**] daripada empat orang adik-beradik.
3. [**Beberapa** | **Semua**] orang anak Encik Lee menuntut di universiti tempatan.
4. Murid-murid mengambil tempat [**tiap-tiap** | **masing-masing**] kerana majlis akan bermula.
5. [**Para** | **Sebahagian**] besar penduduk di kampung itu bekerja di pusat bandar.
6. [**Beberapa** | **Keempat**] ekor ayam ternakan Ali didapati mati semalam.
7. [**Sesetengah** | **Separuh**] daripada kek yang belum habis dimakan disimpan di dalam peti sejuk.
8. [**Seluruh** | **Semua**] kawasan itu dibanjiri air kerana hujan lebat.
9. [**Berbagai** | **Para**] jemputan mula memasuki dewan sebelum ketibaan tetamu kehormat.
10. [**Semua** | **Setiap**] hidangan yang disediakan dalam majlis itu telah habis dimakan tetamu.

C. Lengkapkan ayat dengan kata bilangan yang betul.

masing-masing	Ribuan	kedua-dua
bertiga	Pelbagai	Para
bertahun-tahun	kelima	Seluruh
Sesetengah	beratus-ratus	Beberapa

- _____ penonton membanjiri stadium untuk menyaksikan konsert itu.
- _____ hadirin telah dijemput untuk mengambil tempat _____.
- _____ acara diaturkan untuk memeriahkan majlis.
- Kita harus menghormati _____ orang ibu bapa kita.
- _____ remaja suka melepak di pusat beli-belah pada masa lapang.
- Dia telah meninggalkan kampung _____ lalu.
- _____ tubuhnya didapati calar-balar akibat kemalangan jalan raya yang ngeri itu.
- Puan Anis menghabiskan _____ wang simpanan untuk membayar yuran sekolah anaknya.
- _____ buah buku cerita saya telah disumbang kepada perpustakaan sekolah.
- Mereka _____ telah dilantik untuk mewakili sekolah menyertai pertandingan drama.